



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI


POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN AZLAN SHAH



BULETIN

JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

2023



**SINERGI
MEMANTAPKAN
JKE**

e ISSN 3030-5195



9 773030 519002



jkepsasofficial

Diterbitkan oleh:

POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH

Behrang Stesyen,

35950 Behrang,

Perak Darul Ridzuan.

Tel: 05-4544431

Fax: 05-4544993

Emel: propsas@polycc.edu.my

Terbitan pertama 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian dalam terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran, atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Politeknik Sultan Azlan Shah

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

BULETIN JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK 2023

eISSN 3030-5195

BULETIN

**Jabatan
Kejuruteraan
Elektrik**

2023

ISI KANDUNGAN

SIDANG REDAKSI	1
KATA ALUAN KJKE	2
CARTA ORGANISASI	3
AKTIVITI JKE 2023	4
PENCAPAIAN 2023	28
KARYA KREATIF	42
GALERI JKE	44

SATU LAGI KARYA AGUNG JKEPSAS PROD.



SIDANG REDAKSI

NORHASNINA | **NURUL AZIMAH**
Ketua Editor Penolong Ketua Editor

LAILA ROSEMAIZURA | **DR KALIYAMAH** | **SHAIFUL BAHARI** | **SYAZALIAH**
Editor

EDDYZULHAM | **ZAINUL ANWAR**
Rekabentuk Grafik & Multimedia

KATA ALUAN KETUA JABATAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, saya diberi kesempatan untuk menyampaikan ucapan dalam Buletin Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) 2023, Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS).


Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Jawatan Kuasa Sidang Redaksi Buletin 2023. Tanpa komitmen dan kerjasama yang tinggi, sudah tentu buletin ini tidak dapat disiapkan seperti yang dirancang. Sesungguhnya segala usaha untuk menerbitkan buletin ini merupakan langkah yang baik dan perlu diteruskan kerana ia merupakan dokumentasi segala peristiwa dan kenangan untuk dijadikan sumber rujukan pada masa akan datang.

Banyak aktiviti yang telah dilaksanakan dan lakaran kejayaan yang telah dicapai sepanjang tahun 2023. Saya percaya semuanya adalah hasil kerjasama dan sokongan daripada semua warga JKE. Oleh itu, sama-samalah kita membulatkan tekad dan berusaha lebih gigih agar JKE PSAS terus melakar kejayaan dan lebih cemerlang pada masa akan datang.

Akhir kata, selamat melayari Buletin JKE 2023. Semoga penerbitan kali ini memberi impak bermanfaat kepada semua warga JKE PSAS.



CARTA ORGANISASI JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK



AKTIVITI JKE 2023





PROGRAM OUTREACH & CONSULTATION: STUDENT PROJECT MANAGEMENT & IOT APPLICATION

19 JAN 2023 - Consultation ini telah disertai seramai 17 orang pelajar dari Kolej Vokasional Slim River bersama 8 orang guru. Program ini telah disampaikan oleh 4 penceramah yang berpengalaman luas dalam bidang IoT dan pengurusan projek, iaitu Pn Ruhaida bt Nural Anuar, En Azhar b Ramli, En Ridzman bin Husin@Ibrahim dan Dr. Muhamad Firdaus bin Mohd Zublie. Penganjuran program Outreach & Consultation ini bertujuan untuk berkongsi kepakaran aplikasi IOT kepada pelajar sekolah sekaligus merapatkan hubungan di antara staf PSAS dan pihak sekolah. Selain itu, program ini juga merupakan sebuah aktiviti konsultasi dari pihak JKE PSAS kepada pihak kolej vokasional dalam membantu pelajar mereka membangunkan dan mengaplikasi IoT dalam Projek Tahun Akhir. Ini juga merupakan satu inisiatif bagi memastikan politeknik berupaya menjalankan peranannya dengan efektif bagi memenuhi keperluan komuniti setempat.



PROGRAM OUTREACH IOT FOR SCHOOL COMMUNITY

31 JAN 2023 - Program ini disertai oleh pelajar tahun 6 SK Methodist. Program tersebut telah dimulakan dengan promosi politeknik daripada Pn Nor Farahwahida Binti Mohd Noor kepada peserta berkenaan program pengajian kejuruteraan yang ditawarkan di politeknik. Seterusnya Pn Ruhaida Binti Nural Anuar telah menyampaikan ceramah bertajuk IoT Application dan diakhiri 2 dengan sesi demonstrasi oleh En Azhar Bin Ramli. Melalui program yang telah dianjurkan ini, Centre of Technology (IoT) JKE PSAS dapat menyalurkan kepakaran dalam bidang aplikasi IoT kepada pelajar di komuniti setempat sekaligus merapatkan hubungan di antara staf PSAS dan pihak sekolah SK Methodist.



PROGRAM COT ROBOTIK BERSAMA KOMUNITI

2 FEB 2023 - Program ini dianjurkan bertujuan untuk berkongsi kepakaran tenaga pengajar dan pelajar JKE PSAS dengan pelajar sekolah Ma'ahad At-Taufiqiyah Al-Diniah Behrang Stesyen. Program ini dilihat dapat menyuntik para pelajar untuk meneruskan pengajian ke tahap yang lebih tinggi dan secara khususnya mempromosikan politeknik serta menganjurkan CSR bersama komuniti setempat.



MINGGU TRANSFORMASI SISWA (MTS) JKE SESI 2:2021/2022



3 FEB 2023 - Seramai 31 orang pelajar baharu bagi program Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET) telah mendaftar bagi Sesi 2: 2022/2023. Beberapa taklimat telah disampaikan kepada pelajar-pelajar ini sepanjang program berlangsung seperti Taklimat Unit Kualiti, Taklimat ETAC, Taklimat Peperiksaan, Taklimat Unit i-Daftar, Taklimat Disiplin, Pengenalan kepada Microsoft teams dan CIDOS 3.5, Taklimat Promosi e-Club dan Taklimat Unit Penasihat Akademik.

PROGRAM OUTREACH PEMINDAHAN ILMU: PENGATURCARAAN PYTHON

1-15 FEB 2023 - Peserta program ini terdiri daripada pelajar tingkatan 2 yang mengambil mata pelajaran Asas Sains Komputer (ASK). Sepanjang program berlangsung, peserta telah didedahkan dengan asas pengaturcaraan Python yang terkandung di dalam silibus beserta aplikasinya. Sebanyak 3 siri perkongsian telah diadakan dan dikendalikan oleh 12 orang fasilitator bersama 10 orang jawatankuasa yang lain. Melalui program yang telah dilaksanakan ini, pihak JKE PSAS dapat berkongsi kepakaran tenaga pengajar kepada sekolah selain mempromosikan PSAS kepada komuniti setempat. Ini sekaligus merealisasikan misi politeknik dalam memperkasakan komuniti melalui penyelidikan, inovasi dan pembelajaran sepanjang hayat.



PROGRAM OUTREACH: PENGENALAN KEPADA IOT & ROBOTICS

15 FEB 2023 - Program ini telah disertai seramai 45 orang pelajar tingkatan 4 di sekolah tersebut. Program ini dirancang bagi tujuan untuk menyalurkan kepakaran dalam bidang aplikasi IoT dan Robotics kepada pelajar tersebut sekaligus diberi pendedahan berkaitan dengan program pengajian kejuruteraan yang ditawarkan di Politeknik Sultan Azlan Shah. Seramai 3 orang penceramah dan 22 orang fasilitator yang terdiri daripada pensyarah JKE telah terlibat dalam program ini. Melalui program yang telah dilaksanakan ini, pihak JKE PSAS dapat berkongsi kepakaran tenaga pengajar kepada sekolah selain memberikan impak dan nilai tambah yang bermanfaat kepada komuniti melalui penyelidikan, inovasi dan pembelajaran sepanjang hayat



BENGKEL PENULISAN LAPORAN AKHIR



7 MAC 2023 - Bengkel ini telah dianjurkan oleh Unit Projek, JKE kepada pelajar semester 5 yang sedang mengambil kursus DEE50102 Projek 2 dan telah disampaikan oleh Dr. Normala Rahmat.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk menyokong keperluan hasil pembelajaran CLO5 iaitu kemahiran komunikasi yang berkesan dalam penulisan laporan dan semasa pembentangan.

Sepanjang bengkel ini, pelajar didedahkan dengan teknik penulisan laporan akhir mengikut format yang ditetapkan oleh JPPKK. Sekaligus dapat meningkatkan kualiti penulisan laporan akhir projek pelajar

BENGKEL MINI PROJECT (PEMBINAAN LITAR PCB – SIRI 1)



7 MAC 2023 - Bengkel anjuran Unit Projek JKE ini telah dilaksanakan untuk membantu pelajar-pelajar semester 4 JKE, yang mengambil kursus DEE40082 Project 1, di dalam pembinaan litar bekalan kuasa yang menggunakan Printed Circuit Board (PCB). Bengkel yang telah disampaikan oleh En. Azhar bin Ramli ini mendedahkan para pelajar dengan teknik merekabentuk litar menggunakan perisian elektrik dan seterusnya membina litar PCB yang lengkap dan sempurna.

PROGRAM LAWATAN PENANDA ARAS AKREDITASI ETAC DARI POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH

15 MAC 2023 - Jabatan Kejuruteraan Elektrik telah menerima lawatan penanda aras akreditasi ETAC dari Politeknik Sultan Idris Shah, Sabak Bernam, Selangor. 23 orang delegasi yang hadir terdiri daripada Ketua Jabatan, Ketua Program dan pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik, PSIS.

Objektif lawatan penanda aras adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada pegawai yang terlibat berkenaan akreditasi ETAC serta sebagai persediaan dalam menghadapi audit ETAC di Politeknik Sultan Idris Shah.



PROGRAM AGIHAN IFTAR

22 MAC-13 APRIL 2022 - JKE telah mengagihkan pek makanan iftar kepada pelajar secara penggiliran selama 3 minggu berturut-turut sepanjang bulan Ramadhan. 13 April 2023 merupakan agihan terakhir sebelum pelajar pulang ke kampung dan meneruskan pengajian secara di dalam talian.



MAJLIS APRESIASI DET 2023

5 MEI 2023 - Majlis julung-julung kali diadakan ini dianjurkan oleh program Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET), yang dikelola oleh Jawatankuasa Wakil Kelas Pelajar DET, JKE PSAS. Sebanyak 5 program telah digabungkan didalam majlis ini iaitu, Apresiasi untuk Jawatankuasa Wakil Kelas Sesi 2: 2022/2023, Program KPro bersama Pelajar DET, Program Penghargaan Kejayaan ETAC DET, Program Penghayatan Pusat Islam dan Program Jasamu Dikenang.



PAMERAN & PENILAIAN PROJEK AKHIR PELAJAR JKE



9 MEI 2023 - Program ini diadakan bertujuan untuk menjadi platform kepada pelajar semester 5 JKE yang mengambil kursus DEE50102 – Projek II untuk membentangkan hasil pencapaian pembelajaran mereka sepanjang dua semester selain untuk memenuhi keperluan hasil pembelajaran dan penilaian yang telah ditetapkan bagi kursus DEE50102 Project II. Melalui program ini, pelajar dapat menilai diri (development personal) dan kemahiran sosial (social skills) seperti pengurusan masa, keyakinan diri dan interaksi. Selain itu, penilaian yang dilaksanakan secara tidak langsung dapat mendedahkan pelajar dengan kemahiran atau latihan dari segi teknikal dan kemahiran berkomunikasi. Penglibatan pihak industri dalam menilai hasil pembelajaran pelajar turut dilihat mampu memaksimumkan impak keberhasilan projek selaras dengan kehendak industri selain meningkatkan tahap motivasi, keyakinan, keupayaan, etika serta kesiediaan pelajar menghadapi cabaran dimasa hadapan.

PROGRAM AUTHENTIC LEARNING FOR SOLAR INSTALLATION

13 MEI 2023 - Program Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET) telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan program Authentic Learning for Solar Installation. Program ini dilaksanakan sebagai satu persekitaran bagi pembelajaran yang baharu untuk memantapkan kaedah penyampaian Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi kursus DET30053: Power System.

Pelajar telah didedahkan dengan lebih jelas perihal sistem solar, rekabentuk, pengiraan beban pemasangan dan pengujian sistem solar dalam pembelajaran berasaskan masalah (Problem Based Learning).

Selain itu, pelajar lebih memahami dan mengaitkan antara teori dan praktikal serta aplikasi sebenar menjurus kepada CLO/PLO. Pensyarah jugak dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi mencapai learning outcomes.



PROGRAM AUTHENTIC LEARNING-REKABENTUK DAN PEMASANGAN KABEL "STRAIGHT THROUGH"

15 MEI 2023 - Program Diploma Kejuruteraan Elektronik (Perhubungan) (DEP) telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan program ini sebagai salah satu usaha untuk membantu pelajar lebih memahami rekabentuk kabel 'Straight Through' dengan menggunakan connector RJ45. Pelajar telah mengaplikasikan topik ini di Bilik Pensyarah 3 dan seterusnya dinilai menggunakan pemarkahan rubrik mengikut amali tersebut.



MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA JKE



16 MEI 2023 - Majlis sambutan Hari Raya JKE yang telah dikelolakan oleh Unit Penasihat Akademik JKE telah berlangsung bertempat di kantin PSAS dengan suasana yang meriah. Majlis ini turut meraikan staf JKE yang bakal bersara iaitu Pn Aminah Binti Othman dan diserikan lagi dengan kehadiran tuan pengarah, Ts. Zulkefli Bin Ibrahim. Selain dapat menjamu selera, sambutan seperti ini diharap dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara pelajar dan pensyarah.

PROGRAM DEP'S DAY – EXPLORACE DEP

23 MEI 2023 - Program ini melibatkan 71 orang pelajar semester 2, 4 dan 5 dari program Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) (DEP), Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Sultan Azlan Shah. Sepanjang program ini, pelajar telah didedahkan bidang yang sedang mereka ceburi dengan memfokuskan kepada aktiviti yang bertepatan dengan silibus yang telah dirangka oleh JPPKK. Ini merupakan satu inisiatif bagi memastikan pelajar politeknik berupaya untuk menggunakan peralatan yang tersedia khususnya peralatan di dalam makmal secara efektif bagi menggilap kemahiran psikomotor pelajar secara berterusan. Selain itu, program ini dapat memberi peluang kepada para pensyarah untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi mencapai 'Learning Outcomes' yang ditetapkan.





TOWARDS A GREEN & HEALTHY WORKPLACE

12 JULAI 2023 - Program ini telah dianjurkan Sempena Sambutan Bulan 4K - Keselamatan, Kesihatan, Kebersihan, Kesukarelawan & Smart Green PSAS. Antara objektif Utama Sambutan 4K ini adalah:

- Melahirkan warga PSAS yang melestarikan inisiatif hijau yang mendukung dan melaksanakan program pembangunan mampan negara
- Melahirkan warga PSAS yang sentiasa mengutamakan tahap keselamatan diri dan tempat kerja, mengamalkan gaya hidup sihat dan berfikiran positif bagi membentuk persekitaran dan ruang kerja yang mampan
- Mengeratkan silaturahim dan semangat kesukarelawan dalam kalangan warga PSAS

Program ini dimulakan dengan aktiviti senaman pagi dan taklimat aktiviti dari JK program Puan Siti Norazma Binti Mahmood serta Ketua Jabatan JKE, En Saiful Adli Bin Yusoff. Kemudian, semua staf bergerak ke lokasi masing-masing untuk meneruskan aktiviti gotong royong, pengurusan aspek keselamatan dan pemasangan Solar Powered Signage.



PROGRAM MORNING WALK JKE



14 JULAI 2023 - Kelab Kebajikan dan Rekreasi (KKDR) JKE telah mengadakan Program Morning Walk di sekitar PSAS untuk menggalakkan gaya hidup sihat dikalangan warga JKE

KURSUS AC TRACTION CONTROL SYSTEM

17-18 JULAI 2023 - Pusat Latihan & Pendidikan Lanjutan bersama JKE dibawah program Pendidikan Sepanjang Hayat (PSH) telah menganjurkan kursus yang disertai oleh 17 orang staf dari MyRA dan KTMB. Seramai 5 orang tenaga pengajar dari program Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET) iaitu, Pn Hj Hamidah Binti Ab Hamid, Pn Anis Binti Pauzi, Dr. Muhammad Firdaus bin Mohd Zublie, En Mohamad Adhar Bin Mohamad Narsardin dan Ridzman bin Husin@Ibrahim telah melaksanakan kursus ini secara teori dan praktikal. Sepanjang kursus berlangsung, peserta telah didedahkan tentang prinsip operasi komponen yang terlibat dalam sistem kawalan keretapi elektrik seperti AC Traction motor, Insulated Gate Bipolar Transistor (IGBT), converter dan inverter. Selain itu, tenaga pengajar turut berkongsi kepada peserta tentang prinsip asas sistem kawalan kelajuan dalam kereta api elektrik. Semoga kursus yang telah disampaikan memberi manfaat kepada peserta yang hadir sekaligus meneruskan kesinambungan kolaborasi JKE bersama pihak KTMB.



PERBINCANGAN KOLABORASI STRATEGIK



27 OGOS 2023 - Perbincangan Kolaborasi Strategik bersama Pn. Siti Fariha, Pengurus Pusat Ekonomi Digital (PEDi) merangkumi PSH, CSR dan gunasama sumber serta penerimaan sumbangan berupa 5 unit PC AIO lupus sebagai ABM bagi subjek DEC50113 Computer System Diagnosis and Maintenance.

Semoga usaha ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak. Terima kasih kepada yang terlibat.



LAWATAN PENANDAARASAN PROGRAM DET KE MSU

8 OGOS 2023 - Program Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET) telah melaksanakan program penandaarasan ke program Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik di Management & Science University (MSU). Lawatan ini merupakan salah satu inisiatif pihak jabatan dalam usaha menambaik pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara amnya dan pelaksanaan projek akhir pelajar secara khususnya.



PROGRAM MINGGU TRANSFORMASI SISWA (MTS), JKE SESI 1:2023/2024

24 OGOS 2023 - Sesi pendaftaran pelajar baharu Jabatan Kejuruteraan Elektrik bersama Penasihat Akademik masing-masing di Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Selain itu diadakan sesi bersama Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik serta taklimat berkenaan OBE, Unit Kualiti, Unit Peperiksaan, Unit i-DAFTAR, Unit Penasihat Akademik dan lain-lain di Dewan Kuliah Elektrik.



TEAM BUILDING JKE



10 OGOS 2023 - Jabatan Kejuruteraan Elektrik dengan kerjasama Kelab Kebajikan dan Rekreasi (KKdR) JKE telah menganjurkan program Team Building di UPSI Adventure Park. Program ini bertujuan untuk meningkatkan semangat kerja secara berpasukan dan membantu meningkatkan motivasi, keyakinan dan iltizam diri di kalangan kakitangan jabatan. Selain itu, program ini juga dapat mengeratkan hubungan di kalangan kakitangan Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan seperti flying fox, high element, abseiling, nature walk dan ATV.

PROGRAM LAWATAN PENANDAARAS AKREDITASI ETAC DARI POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

24 OGOS 2023 - Jabatan Kejuruteraan Elektrik telah menerima lawatan penanda aras akreditasi ETAC dari Politeknik Merlimau, Melaka. Seramai 8 orang delegasi telah hadir yang terdiri daripada Ketua Jabatan, Ketua Program dan pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik, PMM. Objektif lawatan penanda aras adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada pegawai yang terlibat berkenaan akreditasi ETAC serta sebagai persediaan dalam menghadapi audit ETAC di Politeknik Merlimau.



PAMERAN ROBOTIK OLEH TEAM ROBOTIK PSAS DI SMK BIDOR, PERAK



29 OGOS 2023 - Karnival ini telah berlangsung di perkarangan Dewan SMK Syeikh Abdul Ghani. Penyertaan pameran dari Kelab Robotik ini bertujuan untuk menarik minat murid-murid di sekolah sekitar daerah Batang Padang terhadap STEM. Sepanjang program berlangsung, pelajar yang hadir berpeluang melihat pelbagai aksi robot disamping pendedahan baharu dalam bidang robotik.

GOTONG-ROYONG PERDANA E-CLUB @ WORLD CLEANUP DAY 2023

16 SEPTEMBER 2023 - Seramai 30 orang ahli Kelab Pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik (e-Club) bersama Puan Herdawati Binti Ahmad, Puan Syazaliah Binti Salim dan Puan Nor Ilyani Binti Hashim telah menjayakan program Gotong-Royong Perdana e-Club 2023 di Bilik e-Club dan Bilik Pusat Kegiatan Pelajar (PKP) JKE. Program ini adalah sebagai sokongan dan penyertaan JKE PSAS melalui program World Cleanup Day 2023 anjuran Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp Malaysia) bersama sukarelawan seluruh negara dalam misi pembersihan kawasan secara serentak pada tarikh 16 September 2023.





BENGKEL MOTIVASI ANJURAN UNIT PENGURUSAN RISIKO JKE

20 SEPTEMBER 2023 - Program motivasi ini telah diadakan bertempat di Bilik Seminar JKE PSAS dengan mensasarkan pelajar-pelajar JKE yang lemah pencapaian akademik iaitu yang mendapat keputusan KS serta gagal kursus. Khidmat profesional daripada Pegawai Psikologi PSAS iaitu Puan Shahiran binti Ibrahim telah berjaya menyuntik semangat para pelajar untuk mengenali diri, memperbaiki kelemahan, meningkatkan potensi serta mengaplikasi kemahiran gaya belajar iaitu melalui VARK (visual, auditori, kinestetik dan pembacaan). Melalui kefahaman gaya belajar tersendiri, para pelajar sedar kekuatan dan potensi yang ada dalam diri mereka sekali gus peningkatan tahap keyakinan dan motivasi juga berada pada tahap yang lebih tinggi.



FROM CHARGE TO THE WORLD

19-21 SEPTEMBER 2023 - Program From 'Charge' To The World adalah salah satu program dibawah unit pengantarabangsaan, PSAS. Melalui program ini peserta yang terlibat dapat menjalinkan kerjasama bersama pensyarah dan pakar bidang di Brunei yang akan memberi implikasi positif terhadap pencapaian transformasi Jabatan ke arah memartabatkan kualiti dan kredibiliti POLYCC dari segi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Program ini merupakan jalinan kolaborasi bestari, 2 organisasi antara Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Malaysia dan Universiti Teknologi Brunei (UTB), Brunei. Program ini telah disertai oleh 24 orang pensyarah dan staf sokongan dari JKE. 4 orang pensyarah JKE telah membuat sesi perkongsian ilmu berkaitan sistem solar PV dan Internet of Things (IoT) kepada pelajar-pelajar UTB. Selain itu, para peserta turut melaksanakan aktiviti CSR, pemasangan solar PV di Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampung Kulapis, Brunei.



PROGRAM RUMAH IBADAT HIJAU & KELESTARIAN ALAM SEKITAR MASJID AL-HIDAYAH BANDAR BEHRANG 2020

2 OKTOBER 2023 - Program Rumah Ibadat Hijau & Kelestarian Alam Sekitar ini berlangsung di Masjid Al-Hidayah Bandar Behrang 2020 dan ia merupakan kerjasama antara PSAS, Malaysia Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC), dan Bank Rakyat Tanjong Malim. Objektif program adalah untuk menjadikan rumah ibadat sebagai pusat pemangkin kelestarian alam sekitar dalam memupuk budaya gaya hidup hijau di kalangan ahli kariah dan sebagai contoh bangunan komuniti yang cekap tenaga, cekap air, mesra alam dan rendah karbon di kawasan setempat. Antara aktiviti-aktiviti yang telah diadakan semasa program berlangsung adalah, pelaksanaan Audit Awalan penggunaan tenaga elektrik dan air, pemasangan pili cekap air, pemasangan lampu solar dan solar hub for education@MasjidBB2020 serta penyelenggaraan peralatan elektrik oleh pelajar pelajar PSAS.



AUDIT EXTERNAL EXAMINER (EE) ETAC BAGI PROGRAM DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KOMPUTER)(DTK)

4 OKTOBER 2023 - Audit ini telah dijalankan di Bilik Seminar JKE oleh External Examiner, Ts. Dr. Rostam Affendi bin Hamzah daripada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Antara aspek yang dinilai adalah keselamatan (OSH), pelaporan mesyuarat bersama industri dan alumni, proses dan prosedur latihan industri dan pelaksanaan FYP. Di sebelah petang pula, berlangsungnya lawatan ke makmal dan bengkel bagi memastikan fasiliti di JKE berada dalam keadaan yang baik dan terurus. Makmal yang terlibat adalah makmal EPK1, EBK, ECAD, EPC dan EPR2.



KARNIVAL SUKAN JKE 2023

2-3 OKTOBER 2023 - Program Karnival Sukan JKE 2023 ini adalah bertujuan untuk membuat sesi pemilihan pelajar bagi mewakili Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) ke peringkat Karnival Sukan Politeknik Sultan Azlan Shah (SUPSAS) 2023 anjuran Jabatan Sukan, Kebudayaan dan Kokurikulum (JSKK). Seramai 11 orang pengurus pasukan dalam kalangan pensyarah dan staf JKE telah dilantik untuk melaksanakan sesi pemilihan pemain bagi sukan futsal, pétanque, bola jaring, badminton, woodball, sepak takraw, bola tampar, catur, pingpong, tarik tali dan e-sports. Melalui program yang telah dilaksanakan ini, bakat dan potensi para pelajar dapat digilap dan berpeluang untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi dalam pelbagai jenis sukan. Di samping itu juga, impak program ini juga dapat meningkatkan semangat kesukanan dan persaingan jasmani yang sihat dalam kalangan pelajar di JKE khususnya.



AUDIT EXTERNAL EXAMINER (EE) ETAC BAGI PROGRAM DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KOMUNIKASI)(DEP)



10 OKTOBER 2023 - Audit ini telah dijalankan di Bilik Seminar JKE oleh External Examiner, Prof. Dr. Nurbahiah binti Misran daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Antara aspek yang dinilai adalah pelaporan mesyuarat bersama industri dan alumni, proses dan prosedur latihan industri, proses dan prosedur daripada Unit Peperiksaan dan pelaksanaan FYP.

Di sebelah petang pula, berlangsungnya lawatan ke makmal dan bengkel bagi memastikan fasiliti di JKE berada dalam keadaan yang baik dan terurus. Makmal yang terlibat adalah makmal ETL, EPD, ECAD, EPC, EPR2, EPP dan TECC.

BENGKEL MINI PROJEK (PEMBINAAN LITAR PCB)

5 & 12 OKTOBER 2023 - Unit Projek JKE telah menganjurkan Bengkel Mini Project (Pembinaan Litar PCB) kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus DEE40082 Projek 1. Kursus ini telah diadakan secara 2 siri iaitu Siri 1: Rekabentuk litar elektrik dan litar Printed Circuit Board (PCB) menggunakan perisian elektronik dan Siri 2: Proses UV exposure (thermal transfer), photoresist removal (developing process) litar PCB dan etching PCB board. Program ini menyokong pencapaian PLO 5 dan PLO 12 pelajar di samping pendedahan kepada para pelajar terhadap teknik rekabentuk litar elektrik mengikut format yang lebih tepat.



KARNIVAL SUKAN STAF PSAS 2023



16-17 OKTOBER 2023 - Karnival sukan staf PSAS telah diadakan bertujuan untuk mencapai matlamat utama iaitu penyatuan jiwa dan semangat kekitaan serta memanfaatkan kualiti masa bersama warga PSAS. Antara aktiviti yang diketengahkan adalah bowling padang, ride santai, sehati sejiwa, tiup bola pimpong dan 8 Points Relay Race. Aktiviti ini dikendalikan sepenuhnya oleh semua jabatan dan unit di PSAS. Turut hadir memberi sokongan penuh ialah Yang Berusaha Ts. Mohd Zulkefli bin Ibrahim, Pengarah Politeknik Sultan Azlan Shah, serta barisan pengurusan PSAS.

BENGKEL PENULISAN INVESTIGATION REPORT



26 OKTOBER 2023 - Unit Projek JKE telah menganjurkan Bengkel Penulisan Investigation Report bagi pelajar-pelajar yang mengambil kursus DEE40082 Projek 1. Bengkel ini dijalankan bagi membantu pelajar-pelajar untuk menghasilkan laporan investigasi yang lebih berkualiti dengan mengikut format yang betul. Program ini telah disampaikan oleh Dr. Muhammad Firdaus bin Mohd Zublie, Ketua Program DET. Program ini turut memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan analisa kebolehgunaan dan kepentingan projek serta menilai kebolehlaksanaan projek yang dirancang. Program ini menyokong pencapaian PLO 2 dan PLO 4 pelajar.

SAMBUTAN HARI AKADEMIA JKE

26 OKTOBER 2023 - Kelab Kebajikan & Rekreasi (KKDR) telah menganjurkan Sambutan Hari Akademia JKE bagi menghargai peranan pensyarah sempena Bulan Akademia yang disambut pada bulan Oktober setiap tahun. Majlis dimulakan dengan kata aluan dari pengerusi KKDR, En Eddyzulham Bin Abu Bakar, dan seterusnya ucapan dari Ketua Jabatan Elektrik, En Saiful Adli Bin Yusoff. Majlis diteruskan dengan sesi pertukaran hadiah dan jamuan makan.



MAJLIS BACAAN YASIN & SUMBANGAN DERMA PRIHATIN



16 NOVEMBER 2023 - Majlis bacaan Yasin anjuran KKDR JKE telah diadakan buat staf JKE yang telah kembali ke rahmatullah pada 13 November yang lalu iaitu Allahyarham Mohd Aliff Firdaus Bin Ramly dan juga buat almarhum ayahanda kepada Puan Herdawati Binti Ahmad. Seusai majlis, KKDR JKE yang mewakili pengurusan PSAS telah menziarahi keluarga arwah dan turut menyampaikan sumbangan derma JKE Prihatin di kediaman mereka yang bertempat di Taman Kancing Jaya, Rawang, Selangor.

PROGRAM LAWATAN PENANDA ARAS DARI PUSAT PENGAJIAN DIPLOMA, SPACE UTM

16 NOVEMBER 2023 - Jabatan Kejuruteraan Elektrik telah menerima lawatan penanda aras dari Pusat Pengajian Diploma, SPACE UTM. 5 orang delegasi yang hadir terdiri daripada Ketua Jabatan, Ketua Program dan pensyarah Pengajian Diploma, SPACE UTM. Objektif lawatan penanda aras ini adalah untuk berbincang berkaitan struktur program Diploma Kejuruteraan Elektrik, perkongsian amalan pelaksanaan pdp dan lawatan ke bengkel JKE serta TECC PSAS. Selain itu, perkongsian berkaitan pengurusan akreditasi ETAC turut dibincangkan bersama pihak UTM.



SAFETY AND COMMUNICATIONS SKILLS E-CLUB

27 OKTOBER 2023 - Program Safety and Communication Skills e-Club ini telah diuruskan oleh En. Mohd Aliff Firdaus bin Ramly dan En. Fadzemy bin Jailani sebagai pengarah program. Seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada 29 orang pelajar semester 5 program Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer) dan seorang pelajar semester 5 program Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) telah menjayakan program yang diadakan di Bilik Seminar JKE. Melalui program yang telah dikendalikan oleh penceramah jemputan dari Unit Pengurusan Psikologi, Puan Nor Hidayah binti Ab Wahab dan dibantu oleh 3 orang fasilitator, para peserta telah diberikan Inventori Minat Kerjaya Sidek (IMKS) bagi mengenalpasti kecenderungan potensi pelajar dalam bidang pekerjaan.



KEM KEPIMPINAN & PENGURUSAN ORGANISASI E-CLUB 2023

27-28 OKTOBER 2023 - Program Kem Kepimpinan dan Pengurusan Organisasi e-Club 2023 telah disertai oleh 20 orang ahli e-Club pada 27 hingga 28 Oktober 2023 di Bilik Seminar JKE dan Makmal EBK. Seramai 10 orang fasilitator daripada kelab Pembimbing Rakan Siswa PolyCC (PRSP) Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) telah mengendalikan pengisian aktiviti bagi kem sepanjang 2 hari tersebut.

Melalui pelaksanaan program ini, ahli e-Club diberi peluang untuk mendalami aspek kepimpinan dan pengurusan dalam organisasi kelab pelajar. Di samping itu, peserta juga diberi pendedahan tentang kerja berpasukan, kemahiran komunikasi dan perancangan aktiviti.



BENGGEL PEMBANGUNAN APLIKASI GAMIFIKASI ACTIONBOUND

29 OKTOBER 2023 - Program anjuran Kelab Pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik (e-Club) dengan objektif untuk pembangunan kemahiran pelajar ini telah disertai oleh 17 orang pelajar dari JKE, JKM, JP dan kelab Rakan Pusat Islam (RAPI) PSAS. Bengkel ini disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Ketua Pusat e-Pembelajaran dan Multimedia (CeLM) PSAS, Puan Darni binti Darmin dan dibantu oleh Pegawai CeLM, Puan Nafisah binti Harun sebagai fasilitator. Sepanjang program berlangsung, para peserta telah mempelajari pembangunan aplikasi gamifikasi menggunakan Actionbound dan dapat memberi pengalaman dalam memantapkan semangat kerja berpasukan semasa praktikal ujilari aplikasi gamifikasi ini di lapangan.





PROGRAM CSR MICROSOFT WORD BERSAMA KOMUNITI MASJID BANDAR BEHRANG 2020

18 NOVEMBER 2023 - Seramai 19 orang pelajar Kelab Pelajar JKE (e-Club) telah mengimarahkan masjid dengan mengadakan kursus Microsoft Word serta bergotong-royong membersihkan kawasan masjid bersama 10 orang muslimat Masjid Behrang 2020.

Antara matlamat program ini adalah untuk mendedahkan peserta dengan perisian Microsoft Word, penggunaan dan aplikasinya yang boleh diimplikasikan. Ini secara tidak langsung dapat menerapkan Celik IT dikalangan masyarakat serta mengimarahkan masjid.

PROGRAM KPRO BERSAMA PELAJAR DET SESI 1:2023/2024



1 DISEMBER 2023 - Program KPro Bersama pelajar DET sesi 1:2023/2024 telah berlangsung di Dewan Muallim, PSAS. Program ini telah dimulakan dengan ucapan aluan dari Ketua Program DET, Dr. Muhammad Firdaus Bin Mohd Zublie, penghargaan kepada pensyarah DET yang telah berjaya dalam urusan kenaikan pangkat serta pembentangan analisa keputusan peperiksaan akhir sesi 2:2022/2023. Kemudian majlis diteruskan dengan tayangan multimedia, penyampaian sijil penghargaan kepada wakil kelas DET dan sesi bergambar bersama penasihat akademik DET.




PAMERAN & PENILAIAN PROJEK AKHIR PELAJAR JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

22 NOVEMBER 2023 - Sebanyak 146 projek pelajar dipertandingkan dan dinilai oleh panel dalaman dan panel industri. Pelajar yang terlibat terdiri daripada pelajar program Diploma Kejuruteraan Elektrik - DET, Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer) – DTK dan Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) – DEP. Penglibatan pihak industri dalam menilai hasil pembelajaran pelajar turut dilihat mampu memaksimumkan impak keberhasilan projek selaras dengan kehendak industri selain meningkatkan tahap motivasi, keyakinan, keupayaan, etika serta kesediaan pelajar menghadapi cabaran dimasa hadapan.




KURSUS JKE 2023

NO	KURSUS/ TAJUK CERAMAH	TARIKH KURSUS
1	Bengkel Pemurnian Rubrik & Dokumen Dalam Sistem ISOLMS (SPMP) Bagi Projek 1 DEE40082 & Projek 2 DEE50102 Dalam Sistem Isolms (SPMP)	11/1/2023
2	Bengkel Perancangan Aktiviti Tahun 2023 Di Bawah Centre of Technology (Internet of Things)	20/1/2023
3	Kursus Pertolongan Cemas	7/3/2023
4	Kursus Pemasangan Solar PV	1-2/8/2023
5	Basic Python Programming/ Kursus Computer Vision Using Python & OpenCV	11/7/2023
6	Kursus Aplikasi Freecad (Computer Aided Design)	2-3/8/2023
7	Kursus Kompetensi Pensyarah DEP, Pemasangan Fiber Optik External Wiring CA2C And Internal Wiring Fiber Optic CA1C	3-4/8/2023 - 21/8/2023
8	Kursus Kompetensi Pelajar dan Pensyarah Bagi Pemasangan Dan Peperiksaan Fiber Optik CA1C and CA2C	11-13/9/2023
9	Kursus Pemasangan dan Pendawaian Fiber Optic	3-4/8/2023





AKTIVITI PPI JKE 2023 (CERAMAH)




NO	KURSUS/ TAJUK CERAMAH	NAMA INDUSTRI	TARIKH KURSUS
1	Fundamental Programming	Astana Digital Sdn. Bhd	9/3/2023
2	Computer System Diagnosis, Maintenance and Operating System	Latiff Esa Technologies	21/3/2023
3	Computer Networking Fundamental	Latiff Esa Technologies	21/3/2023
4	Project Prototype Design	ALM Technology	18/4/2023
5	Application of Microcontroller in IoT	Astana Digital Sdn Bhd	9/5/2023
6	Data Communication Fundamental	Tell Comm Sdn Bhd	12/9/2023
7	Applications on Embedded System in Industry	Akar Indah Engineering Sdn. Bhd	15/9/2023
8	Penservisan Komputer	BHL Sdn. Bhd	17/9/2023
9	Energy Efficiency & Management	Malaysia Green Tech Corporation (MGTC) Sdn. Bhd	2/10/2023
10	Applications on Microprocessor in Industry	Intel Technology Sdn. Bhd	12/10/2023
11	Project Prototype Design	ALM Technology	14/10/2023
12	DC motor with IoT application	Cairo Engineering	25/10/2023
13	Develop Database and Interface via XAMPP	Chatime Malaysia Sdn. Bhd	29/10/2023
14	The current immersive technology in Malaysia	Cuberlab Sdn. Bhd	2/11/2023





PROGRAM PPI BERSAMA CUBERLAB SDN BHD
2 NOVEMBER 2023
POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH




AKTIVITI PPI JKE 2023 (LAWATAN)



NO	KURSUS/ TAJUK CERAMAH	NAMA INDUSTRI	TARIKH KURSUS
1	Lawatan Akademik ke HVDC Converter Station Gurun East (GRNE)	TNB HVDC Converter Station	12/2/2023
2	Lawatan Akademik ke Stesen Janakuasa Solar 50MW Pendang, Kedah	Stesen Janakuasa Solar 50MW Pendang, Kedah	12/3/2023
3	Lawatan Industri Bagi DEP50033 Data Communication and Networking	Loji Janakuasa Lumut	12/10/2023
4	Lawatan DEC40082 Interactive Multimedia Application	DreamEDGE Sdn. Bhd	12/10/2023
5	Lawatan Akademik ke Aiszzy Electronic	Aiszzy Electronic Enterprise	28/11/2023







PENCAPAIAN JKE SEPANJANG 2023

Pertandingan Produk Inovasi Pelajar Sesi II: 2022 / 2023

TEMPAT PERTAMA

MUHAMAD HAZIQ BIN MOHD SHAHRIL
Penyelia: En Nur Akhyar Bin Nordin

TEMPAT KEDUA

MUHAMMAD AMIRUN AQIL BIN MOHD AZHARUDDIN SYAH
Penyelia: Pn. Siti Norazma Binti Mahmood

TEMPAT KETIGA

SHAHRLUL IZZAM BIN MAT NASIR
Penyelia: En Saiful Adli Bin Yusoff



Pertandingan Produk Inovasi Pelajar Sesi I: 2023 / 2024

TEMPAT PERTAMA

NURUL NADHIRAH BINTI MOHAMAD YUSRI
Penyelia: Dr. Normala Binti Rahmat

TEMPAT KEDUA

NURUL DANIA A'LIYA BINTI MOHAMAD FAZLI
Penyelia: En. Rosdan Bin Mohamad

TEMPAT KETIGA

MOHAMMED NABIL NAZREEN
MUHAMMAD ALIF BIN MOHAMAD RASNAN@MOHD ROSNAN
MUHAMMAD DANIEL BIN AZHAR
Penyelia: Pn. Syazaliah Binti Salim

PENYELIDIKAN DAN INOVASI



A Module Database Interface Using Bootstrap for Visitor Face Recognition Attendance System

Dr. Normala Bt Rahmat

Development of LED UV Machine of Printed Circuit Board (PCB)

Nor Farahwahida Bt Mohd Noor - Siti Norazma Bt Mahmood - Wan Azizah Binti Wan Mahmud

Future Classroom Using ESP32 With Blynk Application

Dr. Normala Bt Rahmat

UV LED Printing Device for PCB Fabrication

Nor Farahwahida Bt Mohd Noor - Siti Norazma Bt Mahmood - Wan Azizah Binti Wan Mahmud

**Papan Tanda Digital Mudah Alih Menggunakan
Solar dan Aplikasi IoT**
Siti Norazma Bt Mahmood



The Development of Automatic Light Controlling Management


Ruhaida Binti Nural Anuar

Development of In & Out Water Control System Application Kit With PLC and HMI For Automation Course

Norhasnina Binti Mokhtar - Nurul Azimah Binti Ahmad Arzaai - Fauzi Bin Ghani

The Acceptance of An Educational Integrated Development Environment to Learning Programming Fundamentals

Nor Farahwahida Bt Mohd Noor



Alternatif Penyediaan Alat Bantu Mengajar (AMB) bagi Subjek DEC50113 Computer System Diagnosis and Maintenance dan Lain-lain Subjek yang Berkaitan Perkakasan Komputer)

Ts. Siti Noorhani Bt Mohd Kardi

IoT Application Kit

Ruhaida Binti Nural Anuar



AC Motor Control Trainer (Forward Reverse Application)

Ts Krishnamoorthy a/l Govindarajalu - Hamidah Bt Abdul Hamid - Rajabunesha Bt Anuar Din

IOT Application Kit

Azhar B Ramli - Ruhaida Bt Nural Anuar - Laila Rosemaizura Bt Yaakop -
Saiful Adli B Yusoff - Azhani Bt Hashim

Tilt Solar Panel with Online Monitoring (TiSTOM)

Ruhaida Bt Nural Anuar - Laila Rosemaizura Bt Yaakop - Noor Azizah Bt Mat Isa -
Nur Akhyar B Nordin

Effect of Different types of Cameras Based on Distance and Intensity Indoor Face Recognition System

Anis Bt Pauzi

Face Recognition Attendance System

Dr. Normala Bt Rahmat - Anis Bt Pauzi - Nur Hafizah Bt Ayob -
Seri Iryani Bt Mohd Noor



A Proposal for Partially Paralyzed Patient Monitoring using Internet of Things

Nor Farahwahida Bt Mohd Noor - Siti Norazma Bt Mahmood - Wan Azizah Binti Wan Mahmud



Aplikasi Mudah Alih (Mobile App) Bagi Kursus Embedded System Applications

Farah Azura Bt Abdul Rahman - Siti Norazma Bt Mahmood -
Wan Azizah Binti Wan Mahmud



Merekabentuk Motor Kawalan Arus Ulangalik Forward Reverse Menggunakan DOL STARTER Sebagai Alat Bantu Mengajar

Ts Krishnamoorthy a/l Govindarajalu - Hamidah Bt Abdul Hamid - Hasnita Bt Ramli

KEJOHANAN 16TH FIRA MALAYSIA CUP 2023

8-12 Mei 2023 - Kejohanan 16th FIRA Malaysia Cup 2023 anjuran FIRA Malaysia Chapter, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dengan kerjasama Politeknik Seberang Perai telah berlangsung dengan jayanya pada 8 hingga 12 Mei 2023. Ini merupakan kali kedua Politeknik Seberang Perai menjadi tuan rumah bagi kejohanan ini sejak diadakan pada tahun 2007.

Objektif utama FIRA ditubuhkan adalah untuk mengembangkan minat terhadap sains dan teknologi robot kepada generasi muda dan masyarakat umum melalui pertandingan robot soccer. Pertandingan seperti ini mampu memberikan satu arena baharu yang mencabar kepada generasi muda terutamanya kepada pelajar politeknik dan kolej komuniti untuk melakukan penyelidikan yang lebih aktif dalam membangunkan robot multidisiplin.

Pasukan PSAS Fighter yang mewakili Politeknik Sultan Azlan Shah telah menyertai 6 kategori yang dipertandingkan. Pasukan PSAS Fighter telah berjaya memperolehi 4 pingat emas, 1 pingat perak dan 1 pingat gangsa dari pelbagai kategori yang disertai. Selain itu, pasukan PSAS Fighter turut menjadi juara keseluruhan bagi kategori Hurocup dan Tempat Kedua Keseluruhan bagi Kejohanan 16th FIRA Malaysia Cup 2023 ini.

Tahniah diucapkan kepada pasukan PSAS Fighter diatas pencapaian yang cemerlang dan membanggakan ini. Semoga menjadi inspirasi kepada pelajar lain untuk berjaya dalam pertandingan lain di masa akan datang.





FIRA ROBOWORLD CUP 2023

17-21 JULAI 2023 - Pasukan Robotik Politeknik Malaysia telah mewakili Malaysia ke kejohanan FIRA RoboWorld 2023 yang telah berlangsung pada 17 hingga 21 Julai 2023. Selain Politeknik Sultan Azlan Shah, turut serta adalah Politeknik Sultan Idris Shah.

Pertandingan ini berlangsung di Ostfalia University, Lindenhalle, Wolfenbuettel, Jerman. Antara objektif pertandingan ini adalah untuk membawa semangat sains dan teknologi kepada generasi muda khususnya belia berbakat. Pertandingan ini juga menghubungkan robotik dan saintis AI serta penyelidik dari seluruh negara yang akan menghasilkan peningkatan jenama nasional dan menaikkan status kedudukan negara dalam kedudukan global.

Pencapaian keseluruhan kontijen Politeknik Malaysia adalah 2 emas, 2 pingat perak dan 2 gangsa, di mana PSAS telah menyumbang 1 pingat emas, 1 pingat perak dan 1 gangsa. Tahniah dan syabas diucapkan. Semoga pasukan Robotik PSAS terus Gemilang dan berjaya merangkul pelbagai kejuaraan lagi pada masa akan datang. Good Job PSAS Fighter!



Hurocup - Lift & Carry



Hurocup - Basket Ball



Hurocup - Archery



PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI PEMBELAJARAN DIGITAL CIDOS INSPIRING LEARNING AWARD POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI (E-DOLA XI 2023)

7 SEPTEMBER 2023 - eDOLA adalah singkatan dari CIDOS Inspiring Learning Awards. Pertandingan eDOLA ini merupakan platform anugerah inovasi pembelajaran digital, merupakan acara tahunan yang telah bermula sejak tahun 2013 sehingga kini dan ia disertai oleh warga pensyarah, pelajar dan juga staf sokongan.

Syabas & Tahniah buat pasukan JKE PSAS kerana merangkul **JUARA** bagi kategori IEXPLEARN. Pasukan ini terdiri daripada 3 pensyarah dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik iaitu Dr. Kaliyamah a/p Raman, Pn Darni binti Darmin & En Eddyzulham bin Abu Bakar serta En Muhammad Ameerul bin Muzaffar dari CeLM PSAS.

Tahniah dan Syabas buat semua pemenang!!



BIGS 2023 : BEST PRACTICES IN GENERAL STUDIES & STEM

27 JULAI 2023 - Best Practices in General Studies and STEM 2023 (BiGS 2023) adalah satu platform yang memberikan pengiktirafan kecemerlangan kepada warga politeknik dan kolej komuniti untuk berkongsi pelaksanaan dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) serta pengurusan sumber yang berimpak tinggi. **TIGA** pensyarah Politeknik Sultan Azlan Shah, di mana **DUA** pensyarah dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik telah berjaya tersenarai dalam 15 Amalan Terbaik BiGS 2023 ini.

1. Pn. Ruhaida binti Nural Anuar – IoT Application Kit
 2. Ts. Siti Noorhani binti Kardi – Alternatif Penyediaan Alat Bantu Mengajar (ABM) Bagi Subjek DEC50113 Computer System Diagnosis And Maintenance Dan Lain-lain Subjek Yang Berkaitan Perkakasan Komputer
- Syabas dan tahniah kepada Pn. Ruhaida & Ts. Siti Noorhani!!





No resistance
can drop our
potential



STATISTIK KEPUTUSAN PENILAIAN


JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK SESI II : 2022/2023

BIL KESELURUHAN
PELAJAR JKE
(TIDAK TERMASUK LI)

472


DTK
139

DEP
70




DET
263

PERATUS KELULUSAN MENGIKUT PROGRAM



PERATUS KELULUSAN MENGIKUT SEMESTER




DEP	70	0	0
DET	258	3	2
DTK	135	3	1

	KB	KS	GB
S1	31	3	1
S2	114	1	1
S3	37	0	0
S4	147	0	0
S5	125	1	0
S6	9	1	1


STATISTIK KEPUTUSAN PENILAIAN JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK SESI I : 2023/2024

BIL KESELURUHAN
PELAJAR JKE
(TIDAK TERMASUK LI)

500




PERATUS KELULUSAN MENGIKUT PROGRAM



	KB	KS	GB
DEP	62	0	0
DET	290	5	2
DTK	136	3	2

PERATUS KELULUSAN MENGIKUT SEMESTER



%	S1	S2	S3	S4	S5	S6
KB	95.6	100	98.2	94.6	100	92.9
KS	3.8	0	1.8	0	0	0
GB	0.6	0	0	5.4	0	7.1

SETTINGGI -TINGGI

Tahniah!

KENAIKAN GRED




ANIS BINTI ABDUL KAHAR

DH48



SHATINI BINTI MD SAID

DH48



NUR FADZILLAH BINTI JAAFAR

DH48



TS. MOHD FAUZI BIN OTHMAN

DH44



MUHD HALALLUDDIN BIN ABD RAHIM

DH44



ZAINUL ANWAR BIN AHMAD ZAWAWI

DH40



MARINA BINTI SAMSUDDIN

DH40



FADZEMY BIN JAILANI

DH34

Syabas & Tahniah

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2022



**NORFAIZAH BINTI MD
SAYUTI**

DH48



DARNI BINTI DARMIN

DH48



**MOHD ROSDAN BIN
MOHAMAD**

DH44



**DR. MUHAMMAD FIRDAUS
BIN MOHD ZUBLIE**

DH44



MARINA BINTI SAMSUDDIN

DH34

Sekalung Penghargaan

dan terima kasih atas khidmat serta jasa bakti sepanjang menjalankan tugas sebagai Ketua Jabatan JKE. Semoga terus maju dan cemerlang di masa hadapan.



**NOR FAIZAH BINTI MD
SAYUTI**

**KETUA JABATAN JKE
2021-2023**

Tahniah!

Semoga ilmu yang dipelajari dapat memberikan manfaat kepada agama, masyarakat dan negara.



**DR. MUHAMMAD FIRDAUS BIN
MOHD ZUBLIE**

**Ijazah Doktor Falsafah
(Electricity & Energy)**



**NOR FARAHWAHIDA BINTI MOHD
NOOR**

**Sarjana Sains
(Kejuruteraan Perisian)**

Selamat Bersara

Terima kasih atas segala sumbangan dan jasa bakti yang dicurahkan kepada Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Semoga sentiasa di dalam lindungan Allah swt bersama keluarga tersayang.



PN AMINAH BINTI OTHMAN

02.09.1991 - 08.06.2023

إِنَّا لِلّٰهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

Telah pulang ke negeri abadi
sahabat kami yang dikasihi,

MOHD ALIFF FIRDAUS BIN RAMLY
30.07.1985 - 13.11.2023

Semoga Allah swt merahmati
rohnya, memuliakan kematiannya,
mengampuni dosanya. Menjadikan
syurga sebagai tempat tinggalnya
dan menempatkannya dikalangan
orang-orang beriman.

Aamiin Ya Rabbal A'laamiin



KARYA *Kreatif*

**Apa maknanya berbeka gembiranya
tiada**

**Bagai bianglala menantikan kerpasan
Apa maknanya kali mengalirnya tiada
Goyangnya pokok anginnya rawan**

**Dikala malam cenderanya suram
Antannya ada lesungnya sirna
Dikala dahina meganya agam
Bayangnya wujud kelemayarnya fana**

**Ibarat melodi iramanya adam
Wujud sukma isinya hampa
Banyak serayu kumbangnya kelam
Bagai bahasa tiada kata**

**Diri solat Fatihah disorok
Diatip langkah geraknya lambat
Dipasang aring mengenanya rosak
Begitulah laranya tiada sahabat**

**Buat sahabat yang masih ada
Buat sahabat yang telah tiada
Raikan pendapat bukalah minda
Semoga jalinan silturrahim baqa**



**Nukilan:
Eddyzulham Bin Abu Bakar**

**Mentari masih bersinar
Ombak masih menghempas pantai
Harapan dan impian masih teguh berdiri
Aku masih ada disini
Menunggumu hadir setiap hari
Mungkin dalam lenaku
Aku pasrah
Dalam hati mencari redha melepaskan**

**Aku dan kau menjadi teman syurga
Lantaran pemergianmu
Ilusi menggamit emosi
Fokus aku terganggu
Fobia aku hadir tanpa di undang**

**Fenomena apakah ini?
Impian setinggi gunung kinabalu
Rimbunan doa sulaman rindu buatmu
Daunan luruh disenja hatiku
Anggapan yang salah hakikatnya benar
Umpama mimpi yang panjang
Sumpah aku rasa kau masih ada disini**



**Nukilan:
Hasnina Binti Hj Abd Rahman.**

STAF

JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK 2023



Duduk:

Dr. Kaliyamah a/p Raman, Nor Farahwahida Binti Mohd Noor, Hasnita Binti Ramli, Herdawati Binti Ahmad, Darni Binti Darmin, Hasyimah Binti Said, Ts. Siti Noorhani Binti Mohd. Kardi, Dr. Muhammad Firdaus bin Mohd Zublie, Saiful Adli Bin Yusoff, Azhani Binti Hashim, Nurul Fazura Binti Abdul Hamid, Hjh. Hamidah Binti A. Hamid, Norhaslina Binti Asri, Nor Faizah Binti Md Sayuti, Nor Suwadah binti Mohamed dan Marina Binti Samsuddin.

Berdiri tengah:

Zuraiti Binti Hj. Che Amat, Shatini binti Md Said, Norhasnina Binti Mokhtar, Shah Erawati Binti Mokhtar, Syazaliah Binti Salim, Siti Norazma Binti Muhamood, Nurul Azimah Binti Ahmad Arzaai, Anis Binti Pauzi, Nur Fadzillah binti Jaafar, Wan Azizah binti Wan Mahmud, Hasnina Binti Haji Abd Rahman, Nor Haneda Binti Awang Long, Siti Zuraini binti Sukiran, Azwa binti Hasnan, Laila Rosemaizura Binti Yaakop, Mashitah Binti Duralim, Anis Binti Abdul Kahar, Nor Ilyani Binti Hassim, Ruhaida Binti Nural Anuar, Rajabunesha binti Anwar Din, Noor Azizah Binti Mat Isa dan Nur Hafizah Binti Ayob.

Berdiri belakang

Yazid Bin Osman, Ridzman bin Husin @ Ibrahim, Mohd Rosdan Bin Mohamad, Fauzi bin Ghani, Ts. Mohd Fauzi Bin Othman, Shaiful Bahari Bin Mohamad Norani, Muhd Halalluddin Abd. Rahim, Zainul Anwar Bin Ahmad Zawawi, Allahyarham Mohd Aliff Firdaus Bin Ramly, Eddyzulham Bin Abu Bakar, Ts. Krishnamoorthy a/l Govindarajalu dan Mohd Mizan Bin Abdul Malik



GALERI



FROM 'CHARGE' TO THE WORLD

19-21 SEPTEMBER 2023

Dr. Mohd Hisham bin Abdul Halim
Head of DET Programme,
Department of Electrical Engineering,
Politeknik Sultan Azlan Shah, Malaysia

Mr. Faisal Ghaffar
Project & Innovation Officer, Renewable Energy (RE),
Department of Electrical Engineering,
Politeknik Sultan Azlan Shah, Malaysia

Mr. Mohd Mizan bin Abdul Malik
Head of IOT Section,
Department of Electrical Engineering,
Politeknik Sultan Azlan Shah, Malaysia

Mrs. Nurhidayah Saifuddin
Training & Education Officer, IOT Section,
Department of Electrical Engineering,
Politeknik Sultan Azlan Shah, Malaysia

POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH
UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI

Organized by:
Internationalisation Unit,
PSAS in collaboration with UTB





JKE



TOWARDS A GREEN & HEALTHY WORKPLACE

12 JULY 2023
JKE | 8:00 AM - 1.00 PM

TENTATIF

- 8.00AM - 9.00AM
 - Senaman pagi
 - Taklimat Aktiviti
- 9.00AM - 1.00PM
 - Gotong-royong
 - Pengurusan aspek keselamatan di JKE
 - Pemasangan Solar Powered Signage

4K18

Let's JOIN Together

KESAMATAN
KESELAMATAN
KEBERSIHAN
KESUKSESAN
SMART GREEN





**JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH
BEHRANG STESYEN
35950 BEHRANG
PERAK DARUL RIDZUAN
TEL: 05-4544431 FAKS: 05-4544993
www.psas.edu.my**